

Benci pemimpin bukan budaya Sabah - Musa

UM 04.09.2012 27



MUSA Aman (tengah) ditemani Mohd. Harun Abdullah (tiga dari kiri) bersama para pelajar menunjukkan simbol 1Malaysia pada Majlis Amanat Mahasiswa Sidang Akademik 2012 / 2013 di Dewan Canselor UMS di Kota Kinabalu, semalam.

KOTA KINABALU 3 Sept. - Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) diingatkan tidak terlibat dengan budaya membenci pemimpin seperti yang dilakukan oleh sege-lintir belia negara ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman berkata, tindakan tersebut jelas tidak wajar dan perlu ditegah daripada berlaku di Sabah memandangkan ia bukan budaya rakyat negeri ini.

“Saya minta pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di Sabah jangan buat perkara tidak baik dan bersikap kurang ajar dengan pemimpin negara. Sebaliknya, mereka perlu bekerjasama dengan pemimpin dalam memajukan negara,” katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan sege-lintir peserta yang memijak gambar Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor pada ambang sambutan Hari Kemerdekaan ke-55 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Terdahulu, Musa yang juga Pro Canselor UMS menyampaikan Majlis Amanat Mahasiswa Sidang Akademik 2012 / 2013 di Dewan Can-

selor UMS di sini hari ini.

Hadir sama Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Mohd. Harun Abdullah; Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Egeh; Ahli-Ahli Lembaga Pengarah UMS, pegawai utama, dekan, pengarah dan para penuntut UMS.

Tahun ini, 5,068 mahasiswa sesi 2012 / 2013 telah mendapat tawaran melanjutkan pelajaran di UMS dalam pelbagai program.

Ia merupakan peningkatan sebanyak sembilan peratus berbanding 4,163 penuntut pada tahun lalu.

Musa berkata, belia dan pelajar IPT perlu berterima kasih kepada pemimpin kerana telah menyediakan banyak program untuk pembangunan rakyat termasuk para belia.

Beliau menegaskan, kerajaan negeri dan Pusat akan terus komited dan bekerjasama dalam membantu segala usaha ke arah kemajuan dan peningkatan tahap pendidikan tinggi negara.

“Sebagaimana kita lihat pada hari ini, sejak kewujudan UMS di Sabah, pembangunan dan kemajuan negeri bergerak seiring demi menampung keperluan ekonomi dan sosial pelajar,” ujarnya.